

DASAR/POLISI PENGGUNAAN SAKSAMA (FUP)

1. Pengenalan

Dasar/Polisi Penggunaan Saksama (“FUP”) ini menetapkan cara Perkhidmatan kami boleh digunakan dan sebarang sekatan ke atas penggunaan Perkhidmatan oleh anda.

Anda harus menyemak FUP ini di laman web rasmi kami kerana kami mungkin mengubahnya dari semasa ke semasa untuk menangani isu baharu yang mungkin timbul berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan oleh anda atau cara kami menyediakan Perkhidmatan ini. Anda mengambil maklum bahawa versi terkini FUP akan digunakan untuk penggunaan anda untuk Perkhidmatan ini, walaupun anda masih belum membaca versi yang telah dikemas kini.

Perkataan huruf besar yang tidak ditakrifkan dalam FUP ini hendaklah mempunyai makna yang sama seperti di dalam Terma dan Syarat yang boleh didapati di [Terma dan Syarat](#).

2. Kegunaan Umum

Sebagai prinsip umum, anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan ini dalam sebarang cara yang menyalahi undang-undang atau tidak sah atau dalam apa-apa cara yang menjejaskan kenikmatan pengguna lain terhadap Perkhidmatan ini.

Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung:

- untuk menghantar, menerbitkan, memaut kepada, menyediakan atau menerima apa-apa bahan yang memfitnah, menyinggung perasaan, kesat, lucah, tidak senonoh, mengugut atau mengancam;
- yang akan melanggar hak orang lain, termasuk pelanggaran kerahsiaan, hak cipta, privasi atau sebarang hak lain;
- untuk menghantar bahan dan mesej elektronik dengan niat atau akibat yang boleh menjejaskan prestasi atau fungsi mana-mana kemudahan komputer;
- untuk memintas pengesahan pengguna atau proses keselamatan hos atau rangkaian;
- untuk mereka, menghantar, menyimpan atau menerbitkan sebarang virus, Trojan, program yang merosakkan atau data yang rosak;
- untuk menghantar atau menyebabkan penghantaran apa-apa pengiklanan, promosi atau bahan lain tanpa diminta;
- dengan sengaja mengganggu atau menjejaskan penggunaan internet orang lain atau mana-mana ciri yang menjadi sebahagian daripada internet; dan/atau

- berkaitan dengan kesalahan jenayah.

3. Penggunaan Adil

Perkhidmatan kami disediakan dengan elaun dalam bentuk kuota untuk capaian internet dalam tempoh sah yang telah ditetapkan. Sebaik sahaja anda melebihi kuota, anda berkemungkinan akan (i) tidak akan lagi mempunyai sebarang akses kepada Perkhidmatan (untuk Kod Akses biasa) atau (ii) kelajuan Perkhidmatan akan dikurangkan (untuk Kod Akses Tanpa Had) melainkan pas data tambahan / Kod Akses dibeli.

Anda tidak boleh menjalankan sebarang aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Perkhidmatan atau pengguna lain. Ini termasuk, antara lain, menjalankan perisian pengimbasan port, menjalankan program atau pelayan yang menyediakan kandungan rangkaian atau sambungan kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak berada di kawasan liputan, permainan dalam talian, dan/atau perisian atau aplikasi *peer-to-peer* (P2P).

4. Keselamatan/Sekuriti

Anda mesti mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan orang lain tidak mendapat akses tanpa kebenaran kepada Kod Akses anda.

Anda mesti memastikan Kod Akses anda kekal sulit pada setiap masa. Anda tidak boleh menggunakan Kod Akses tersebut untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan kami secara tidak wajar termasuk mengakses atau cuba mengakses bahagian lain Perkhidmatan yang mana anda tidak mempunyai hak akses.

Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan untuk menjalankan pengimbasan port atau *probing* (iaitu percubaan untuk mengenal pasti *Open Gateway* ke dalam mesin pengguna lain). Sekiranya dikenalpasti bahawa Perkhidmatan telah digunakan untuk aktiviti ini, kami mungkin menggantung penggunaan Perkhidmatan anda tanpa notis.

Anda bertanggungjawab untuk penyediaan dan keselamatan komputer anda dan/atau sebarang peranti dan mana-mana pelayan yang anda menjalankan pada komputer atau mana-mana peranti anda..

Kami tidak akan menawarkan sokongan untuk pengesanan atau penyingkiran virus, *worms* atau Trojan. Kami amat mengesyorkan agar anda melindungi komputer dan/atau peranti anda dengan perisian anti-virus.

5. Penguatkuasaan terhadap Pelanggaran FUP

Jika kami mempunyai sebab yang kukuh untuk mengesyaki bahawa anda melanggar FUP ini atau mana-mana terma lain terhadap Perkhidmatan yang kami sediakan kepada anda, kami berhak untuk mengambil sebarang dan semua tindakan, yang kami anggap perlu atau wajar, pada bila-bila masa, termasuk tetapi tidak terhad kepada menggantung atau menamatkan Kod Akses anda, atau meminta maklumat tambahan untuk mengesahkan identiti anda.